



**TRANSKRIP TEMUBUAL ENCIK AMIR HUSSAIN BIN MD ISHAK MENGENAI ALUMNI
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

DISEDIAKAN OLEH
MOHAMMAD DZULBARI BIN MOHD JAILANI
(2013124027)
MEGAT AZMAN SYARIFFADDEEN BIN RAZALI
(2013921995)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR604 DOKUMENTASI LISAN

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	1
Abstrak	2
Biodata	3 - 5
Pengenalan	6 - 7
Transkrip Wawancara	8 - 87
Senarai Soalan	88 - 96
Log Wawancara	97 - 98
Kronologi	99 - 101
Indeks	102 - 104
Ralat	105
Senarai Rujukan	106
Lampiran	107-109

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang maha Pemurah lagi Mengasihani

Assalamualaikum w.b.t. terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada yang maha esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan berkenaan dengan subjek IMR 604 ini dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang banyak membantu dan memberikan kerjasama semasa menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Jutaan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Faizal Bin Ramsi yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, pandangan dan kata-kata nasihat yang berguna kepada kami dalam menghasilkan projek sejarah lisan dengan sempurna. Segala nasihat dan cadangan yang diberikan amat membantu dalam menyiapkan projek sejarah lisan ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Tidak dinafikan, banyak kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama Encik Amir Hussain Bin Mohd Ishak namun berkat kesabaran kami akhirnya kami Berjaya atasi dengan jayanya. Sekalung penghargaan sekali lagi kepada Encik Amir Hussain Bin Ishak kerana memberikan kerjasama dan komitmen semasa menceritakan pengalaman beliau dalam bidang Fakulti Pengurusan Maklumat sehingga sesi temubual dijalankan di kediaman beliau. Disamping itu, terima kasih kerana banyak memberikan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang Perpustakaan.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada ibu bapa, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan kerja sama, nasihat dan cadangan sehingga kami Berjaya menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Sekian, terima kasih.

ALUMNI FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Transkrip temubual bersama Encik Amir Hussain bin Mohd Ishak mengenai pencapaian dan sumbangan beliau kepada Fakulti Pengurusan Maklumat

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Amir Hussain bin Mohd Ishak mengenai pengalaman dan penglibatan beliau dalam dunia perpustakaan. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau di 131, jalan Makmur, Taman Mulia, bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur, pada 21 Mei 2015 bermula jam 12.00 tengahari. Beliau merupakan bekas ketua Pustakawan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia. Beliau juga merupakan alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang telah banyak menyumbang dan menaikkan nama Fakulti Pengurusan Maklumat. Selain itu, transkrip ini juga menceritakan sumbangan dan pencapaian beliau dalam bidang Pengurusan maklumat. Beliau juga menceritakan bagaimana beliau menaikkan nama Perpustakaan Sultan Abdul Samad sebagai perpustakaan cemerlang bagi kategori perpustakaan besar. Selain itu, beliau juga turut memberikan pandangan dan nasihat beliau mengenai pengurusan perpustakaan di Malaysia.

BIODATA ENCIK AMIR HUSSAIN



Nama: Amir Hussain bin Md Ishak

Umur: 60 tahun

Tarikh Lahir: 19 April 1955

Pekerjaan: Ketua Pustakawan

Status: Berkahwin

Nama Isteri: Wan Saleha binti Wan Mahmood.

Nama Bapa:

Nama Ibu: (